

BIN 29 APR. 1984

Perpaduan nasional tidak

mustahil diwujudkan

Oleh
JENIRI AMIR

APABILA Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengambil alih tampuk pemerintahan negara, beliau begitu mementingkan perpaduan kebangsaan yang tulen di antara tiga wilayah: Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Hal ini tidaklah pula bermakna yang perpaduan di antara negeri-negeri lain di Semenanjung tidak penting. Penekanan diberi terhadap usaha ke arah mewujudkan perpaduan di antara ketiga wilayah ini kerana faktor sejarah, politik dan geografi.

Soal perpaduan kebangsaan dibangkitkan semula baru-baru ini apabila beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak menyuarakan kebimbangan mereka mengenai keadaan perhubungan di antara Sarawak dengan Semenanjung yang kurang memuaskan. Jurang ini, bagi mereka, hendaklah ditimbus segera agar keadaan tidak bertambah buruk. Malah, sampai ada daripada ADUN menyaran agar rombongan khas berjumpa dengan Perdana Menteri untuk membincangkan perkara itu. Bagaimanapun, Jawatan Khas telah dibentuk ke arah mencapai sasaran perpaduan kebangsaan.

Soalnya, apakah langkah-langkah lain yang perlu diwujudkan untuk mempercepatkan perpaduan yang diimpikan itu? Dalam hubungan ini, Datuk Musa Hitam pernah menyatakan bahawa menjadikan Labuan sebagai wilayah persekutuan adalah langkah ke arah itu. Selain itu, beliau menegaskan ia akan turut menjadi mungkin untuk mempercepatkan pembangunan di tempat-tempat lain di Sabah dan Sarawak. Hal ini sudah tentu akan membawa buah negeri itu ke dalam arus kemajuan kebangsaan.

mat ini scbabagiannya bccpunca daripada hakikat bahawa hampir semua akhbar kebangsaan berpusat di Kuala Lumpur. Di sebaliknya, akhbar yang diterbitkan di Malaysia Timur tidak begitu berupaya mencmbusi pasaran di Semenanjung.

Dari segi lain, kebanyakan pelajar yang kini sudah Pun bekerja masih bergantung kepada buku teks yang mereka baca bertahun-tahun yang lalu. Maklumat yang mereka peroleh tidak cukup. Dalam keadaan yang demikian, pihak Kementerian Pelajaran perlu memikirkan semula kandungan kurikulum atau sukatan pelajaran, khasnya di dalam mata pelajaran Sejarah dan Ilmu Alam. Nampa nyaramai guru dan pelajar juga tidak begitu berminat untuk mengajar dan belajar mengenai Malaysia Timur kerana ia jarang keluar di dalam peperiksaan lebih-lebih lagi pada peringkat SPM dan STPM.

Pada waktu yang sama, pihak RTM perlu menyiarkan lebih banyak rencana dan berita mengenai Malaysia Timur. Betapapun, dengan adanya Rangkaian Kedua, sedikit sebanyak telah membantu ke arah penyatuan dan Persefahaman di kalangan penduduk. Terlalu banyak perkara menarik mengenai kedua negeri itu yang dapat dicungkil untuk ditayangkan oleh RTM. Untuk meletakkan tugas ini di bahu RTM sahaja sudah tentu tidak memadai. Media massa lain termasuk majalah dan akhbar harian, harus lebih adil dan aktif dengan menyiarkan berita dan rencana tentang Malaysia Timur. Tetapi kebanyakan daripada akhbar kebangsaan tidak mempunyai wakil di Malaysia Timur. Kalaupun ada, wakil itu hanya ditempatkan di ibu negeri.

Lawatan pemimpin — dari pegawai kerajaan, ketua kampung, belia hinggalah para menteri — juga amat penting dalam usaha untuk memahami hasrat dan masalah di kedua negeri tadi. Malah beberapa orang ADUN telah menuvarakan ketidakpuasan mereka mengenai sikap beberapa orang menteri persketuan yang tidak melawat Sarawak. Kalau adapun, mereka hanya berminat melawat Bintulu, dakwa ADUN berkenaan. Di dalam hubungan ini, mereka mahu biarlah para pemimpin dari Semenanjung sama-sama merasai kesusahan dan masalah yang dihadapi oleh pe-

Langkah lain yang telah pun dilaksana oleh kerajaan ialah mengadakan waktu yang sama bagi seluruh Malaysia dan membenarkan penduduk berbeza daripada di Semenanjung. Mereka Sabah dan Sarawak melawat Semenanjung tanpa gaj pemimpin masyarakat wajar berbuat demikian. Dalam pada itu, penyucragaman waktu kian kerana pengaruh terhadap orang ramai tidak akan bermakna kalau RTM, misalnya adalah cukup mengesankan dan menyeluruh. lah-olah cuba memisahkan kedua negeri itu. Mereka perlu menjadi penggerak ke arah cita-dengan menyatakan, "termasuk Sabah dan Sarawak". Hal ini mewujudkan seolah-olah kedua negeri itu bukan sebahagian daripada Malaysia.

Hasrat kerajaan

Mewujudkan perkhidmatan feri yang menghubungkan Kuantan, Kuching dan Kota Kinabalu adalah langkah yang perlu dipuji. Langkah ini membuktikan hasrat kerajaan sendiri agar Laut Cina Selatan tidak lagi menjadi pemisah. Dengan adanya perkhidmatan tersebut sudah pasti kos pengangkutan bertambah murah. Maka, lebih mudahlah bagi penduduk Malaysia untuk pergi dari satu tempat ke tempat lain.

Langkah Kementerian Pelajaran dan kerajaan negeri menghantar pelajar ke sekolah-sekolah di Semenanjung dari satu segi dapat mewujudkan perpaduan. Gojongan ini menjadi bertambah penting kerana mereka dapat menyebarkan fahaman dan pengetahuan yang betul dan benar mengenai negerinya. Diharapkan tidak akan ada lagi penduduk Semenanjung yang beranggapan bahawa ngayau atau perbuatan meminggalkan kepala masih dilakukan oleh orang Iban di Sarawak.

Salah tanggapan dan kekeliruan seperti ini sedikit banyak sebanyak oleh pengaliran maklumat yang tidak seimbang di antara Semenanjung dan Malaysia Timur. Tidak ketrlaluan kalau dikatakan penduduk di Malaysia Timur lebih mengctahui tentang perkembangan di Semenanjung berbanding dengan pemahaman penduduk Semenanjung mengenai kedua buah negeri itu. Kctidak-scimbanuandi dalam pengaliran maklu-

mimpin negeri. Dengan itu, mereka akan lebih memahami tuntutan penduduk Sarawak yang berbeza daripada di Semenanjung. Mereka sebagai pemimpin masyarakat wajar berbuat demikian. Datuk Musa juga pernah menyatakan bahawa memang ada rancangan mewujudkan semula pertukaran lawatan di antara pemimpin masyarakat sedang difikirkan. Yang tidak kurang pentingnya ialah menerbitkan Buku Panduan Telefon yang mencakupi seluruh negara.

Ditinjau dari beberapa segi, perpaduan kaum tidak akan bermakna kalau kita mengabaikan perpaduan kebangsaan yang tulen. Biarlah semangat kedaerahan yang dangkal dikikiskan, digantikan dengan semangat kekitaan yang kental.